




**PERMODALAN  
NEGERI SELANGOR BERHAD**  
199001014678 (206347-V)




---

# **POLISI KONFLIK KEPENTINGAN**

**1 NOVEMBER 2021**

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205347-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

Bil	Kandungan	Muka Surat
1.	Pengenalan	2
2.	Objektif	2
3.	Definisi	3 – 5
4.	Skop	5
5.	Penguatkuasaan	6
6.	Pengenalpastian Konflik Kepentingan	6 – 9
7.	Tanggungjawab Kakitangan	10
8.	Menguruskan Konflik Kepentingan	10 – 12
9.	Pemantauan Konflik Kepentingan	12
10.	Pelanggaran Polisi	13
	<b>Lampiran</b>	14 – 18


 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Permodalan Negeri Selangor Berhad dan Anak-Anak Syarikatnya (“Kumpulan PNSB”) komited dalam menjaga standard etika yang tinggi dan memastikan ianya telus dan terlihat sepanjang masa pengamalan governans Kumpulan PNSB. Oleh yang demikian, kakitangan Kumpulan PNSB adalah diamanahkan untuk berintegriti, tidak memihak dan bersikap profesional sepanjang masa bagi mengelakkan timbulnya konflik kepentingan ketika menjalankan tugas.
- 1.2. Pengenalpastian dan pengurusan konflik kepentingan yang efektif dapat memastikan setiap keputusan adalah demi kepentingan Kumpulan PNSB. Oleh yang demikian, Kumpulan PNSB adalah dilindungi dari sebarang kerosakan imej dan reputasi akibat daripada aktiviti yang bercanggah dengan kepentingan Syarikat.
- 1.3. Polisi Konflik Kepentingan PNSB merujuk kepada mana-mana kes di mana kepentingan peribadi seseorang kakitangan mungkin bercanggah dengan kepentingan Syarikat yang mereka usahakan. Ini adalah keadaan yang tidak diingini kerana ia boleh menyebabkan implikasi yang serius terhadap pertimbangan dan komitmen kakitangan kepada Syarikat dan juga merealisasikan matlamat Syarikat.

## 2. OBJEKTIF


- 2.1. Polisi Konflik Kepentingan ini adalah bagi mengelakkan perkara yang boleh merosakkan imej dan reputasi Kumpulan PNSB ketika melaksanakan tugas seharian dengan telus, amanah dan berintegriti.
- 2.2. Polisi ini akan menggariskan peraturan mengenai konflik kepentingan dan tanggungjawab kakitangan Kumpulan PNSB dan Syarikat dalam menyelesaikan sebarang percanggahan tersebut.

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>


### 3. DEFINISI

3.1. Definisi terma yang diguna pakai di dalam polisi ini membawa maksud seperti berikut:

<p><b>Agensi penguatkuasa undang-undang</b></p>	<p>Agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.</p>
<p><b>Ahli Lembaga Pengarah</b></p>	<p>Ahli Lembaga Pengarah meliputi semua Pengarah Bebas dan Bukan Bebas, Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dalam PNSB dan/atau anak syarikatnya dan hendaklah juga termasuk Pengarah Ganti.</p>
<p><b>Kakitangan Kumpulan PNSB</b></p>	<p>Seseorang yang dilantik bekerja untuk Kumpulan PNSB secara tetap, sementara atau kontrak. (Tertakluk kepada terma dan syarat lantikan di Kumpulan PNSB).</p>
<p><b>Pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNSB</b></p>	<p>Organisasi yang ditubuh oleh Kumpulan PNSB seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Kelab Kebajikan, Pertubuhan dan Kesatuan Sekerja Anak Syarikat termasuklah semua kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Pemegang Amanah Anak Syarikat.</p>
<p><b>Rakan perniagaan</b></p>	<p>Pembekal, kontraktor, perunding / konsultan, juru audit, peguam atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan Kumpulan PNSB serta pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNSB.</p>
<p><b>Hadiah</b></p>	<p>Pengertian 'hadiah' di bawah <b>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998</b> merujuk kepada wang, harta alih atau tak alih, tambang percuma, saham, diskaun, komisen, hamper, cenderamata, kenderaan, kemudahan perjalanan,</p>

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205347-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>


	hiburan, perkhidmatan, keahlian kelab dan sebagainya.
<b>Tugas Rasmi</b>	Tugas yang berkaitan dengan tugas hakiki di Kumpulan PNSB atau mana-mana arahan yang diberikan oleh Ketua Bahagian / Jabatan.
<b>Keuntungan Bermanfaat</b>	Hak penerimaan faedah ekonomi daripada aset (bukan pemilik sah aset). Sebagai contoh hak pendapatan dari saham yang dipegang melalui penama.
<b>Konflik Kepentingan</b>	Situasi dimana kepentingan peribadi seseorang individu bertentangan dengan kepentingan profesional majikan / syarikat yang berpotensi menjejaskan ketidakberpihakkan individu berkenaan. Konflik kepentingan merangkumi sebelum, ketika dan selepas sesuatu kejadian itu.
<b>Saudara</b>	Perhubungan seseorang merangkumi: a) Isteri atau suami orang itu; b) Adik atau abang atau kakak orang itu; c) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu; d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu; e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu. f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 'b'; g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau h) Menantu orang itu.
<b>Sekutu</b>	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

<p><b>Material</b></p>	<p>Berkaitan dengan pegangan saham bermaksud pemilikan ekuiti 5% atau lebih.</p>
------------------------	--

## 4. SKOP

- 4.1. Polisi ini terpakai kepada:
  - 4.1.1. Semua kakitangan PNSB, Ahli Lembaga Pengarah PNSB, dan pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNSB;
  - 4.1.2. Semua kakitangan anak-anak Syarikat PNSB dan Ahli Lembaga Pengarah Anak-anak Syarikat; dan
  - 4.1.3. Rakan perniagaan yang sedang atau akan berurusan dengan Kumpulan PNSB.
- 4.2. Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan PNSB serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur Kumpulan PNSB serta undang-undang di Malaysia.
- 4.3. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi dan prosedur konflik kepentingan yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNSB hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, polisi ini akan diguna pakai.
- 4.4. Apa-apa terma, peruntukan atau janji dalam polisi ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan polisi ini.

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

## 5. PENGUATKUASAAN


- 5.1. Penguatkuasaan Polisi ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pengarah PNSB.
- 5.2. Jabatan Integriti, Audit & Governans (“JIAG”) adalah bertanggungjawab untuk membantu pihak Syarikat menyemak dan mengemaskini Polisi ini sekiranya perlu agar tetap relevan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Audit, Pengurusan Risiko & Integriti (“JARI”) sebelum mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah PNSB.
- 5.3. Polisi ini hendaklah disebarikan kepada semua kakitangan Kumpulan PNSB, Ahli Lembaga Pengarah PNSB dan pihak berkepentingan dalam Kumpulan PNSB serta dimuat naik di dalam laman sesawang PNSB ([www.pnsb.com.my](http://www.pnsb.com.my)).

## 6. PENGENALPASTIAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 6.1. Secara umumnya, konflik kepentingan akan timbul dimana kemampuan seseorang untuk melaksanakan tugas dengan amanah serta tidak berat sebelah berpotensi terjejas oleh kepentingan, pertimbangan dan hubungan peribadi secara langsung atau tidak langsung. Konflik kepentingan boleh dibahagikan kepada kategori seperti berikut:

### 6.1.1. Pemilikan ekuiti dalam entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNSB

- Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan mempunyai saham dalam entiti milik persendirian yang mana mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNSB samada secara langsung atau tidak langsung.
- Ianya tidak merujuk kepada saham yang dipegang di dalam Syarikat yang disebutkan secara terbuka mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNSB, melainkan jika pegangan saham tersebut dianggap penting dan cenderung

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

menjejaskan objektif Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan tersebut.

#### **6.1.2. Pengarahan, perkongsian atau faedah lain yang bermanfaat bagi entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNSB**

- Situasi dimana Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan memegang jawatan atau mempunyai kepentingan dalam entiti yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNSB.
- Sebagai contoh kakitangan Kumpulan PNSB adalah Ahli Lembaga Pengarah kepada syarikat pembekal kepada Kumpulan PNSB. Situasi seperti itu akan mengakibatkan konflik kepentingan.


#### **6.1.3. Pekerjaan sambilan lain**

- Potensi berlakunya konflik kepentingan apabila kakitangan mempunyai pekerjaan sambilan atau perniagaan yang lain. Seorang kakitangan seharusnya menumpukan waktu, perhatian dan komitmennya pada tugas yang diberi.
- Konflik kepentingan timbul dimana pekerjaan atau perniagaan sambilan tersebut menuntut waktu, perhatian dan komitmen kakitangan yang berlebihan atau kakitangan menggunakan waktu yang sepatutnya digunakan untuk menguruskan tugas atau pekerjaan rasminya sehingga menjejaskan prestasi kakitangan Kumpulan PNSB dalam menjalankan tugas yang diamanahkan oleh Syarikat secara khasnya dan objektif Syarikat secara amnya.

#### **6.1.4. Hubungan peribadi**

- Konflik kepentingan akan berlaku sekiranya ahli keluarga kakitangan mempunyai hubungan pelaporan dengan kakitangan tersebut. Seorang kakitangan tidak boleh berada di Bahagian / Jabatan yang sama dengan ahli keluarganya, dan



 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (200947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

tidak boleh secara langsung atau tidak langsung mengawasi, atau berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi pengambilan, penugasan kerja atau penilaian anggota keluarganya.


- Konflik kepentingan juga akan timbul jika seorang Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan mempunyai anggota keluarga yang berkepentingan (misalnya dalam bentuk pemilikan, pengarah, perkongsian, pekerjaan, dan lain-lain) dalam entiti yang mempunyai perjanjian kontrak dengan Kumpulan PNSB.
- Contohnya ialah ketika pasangan kakitangan Kumpulan PNSB bekerja di sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan perundingan kepada Kumpulan PNSB. Ini juga berlaku untuk situasi dimana ahli keluarga kakitangan Kumpulan PNSB bekerja di sebuah syarikat yang ditawarkan projek oleh Kumpulan PNSB, walaupun belum ada pengaturan kontrak.

#### **6.1.5. Urusan kontrak dengan pekerja**

- Ini merujuk kepada situasi dimana Kumpulan PNSB membeli atau menyewa harta benda, peralatan, bahan, dan lain-lain dari Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan, atau mengadakan perjanjian kontrak dengan Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan (selain kontrak pekerjaan).
- Situasi seperti itu menimbulkan konflik kepentingan, dan tidak boleh terjadi kecuali dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan.

#### **6.1.6. Berurusan dengan pesaing perniagaan**

- Seorang Ahli Lembaga Pengarah, kakitangan atau anggota keluarga seorang Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan mempunyai kepentingan atau penglibatan dalam perniagaan syarikat pesaing, atau memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada syarikat pesaing, keadaan seperti itu akan menimbulkan konflik kepentingan.

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>


- Ini tidak merujuk kepada pemegangan saham syarikat pesaing yang disebutkan secara terbuka, melainkan jika pegangan tersebut dianggap penting dan kepentingan tersebut cenderung menjejaskan objektif Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan berkenaan. Sekiranya kakitangan telah menerima pekerjaan dengan pesaing, ini juga boleh mengakibatkan konflik kepentingan dalam tempoh kakitangan masih bekerja bersama Kumpulan PNSB, terutama jika konflik kepentingan harus dinyatakan segera setelah penerimaan pekerjaan dengan dengan syarikat pesaing untuk membolehkan Kumpulan PNSB untuk mengambil tindakan yang diperlukan untuk menguruskan konflik.

**6.1.7. Penglibatan dalam aktiviti dimana Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan yang berkenaan adalah merupakan subjek perbincangan utama:**

- Seorang Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan mengambil bahagian dalam aktiviti di mana dia menjadi subjek perbincangan atau di mana keputusan itu melibatkannya.
- Contoh situasi ini adalah di mana tuduhan dibuat terhadap Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan melalui saluran pelaporan, dan Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan adalah sebahagian daripada pasukan penyiasat yang ditugaskan untuk menyiasat tuduhan tersebut.

**6.1.8. Penerimaan hadiah**

- Penerimaan hadiah boleh mempengaruhi objektif dan pertimbangan Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan.
- Adalah menjadi tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan untuk mematuhi Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah untuk memastikan bahawa hadiah yang diterima / diberikan tidak boleh menimbulkan konflik kepentingan atau mempertikaikan integriti mereka.


 <p>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD <small>199001014678 (205947-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

## 7. TANGGUNGJAWAB KAKITANGAN


- 7.1. Semua kakitangan Kumpulan PNSB bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan mengurus konflik kepentingan secara berterusan dan diminta untuk:
- 7.1.1. Patuhi polisi dan garis panduan yang berkaitan dengan pengenalpastian, dokumentasi, peningkatan dan pengurusan konflik kepentingan;
  - 7.1.2. Bertindak berdasarkan objektif, integriti dan kebebasan, dan melaksanakan pertimbangan dan budi bicara yang baik;
  - 7.1.3. Elak selagi boleh situasi yang menimbulkan konflik kepentingan seperti yang dijelaskan dalam polisi ini; dan
  - 7.1.4. Segera melaporkan konflik kepentingan, melepaskan diri daripada proses membuat keputusan dan tidak berusaha untuk mempengaruhi.

## 8. MENGURUSKAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 8.1. Sebarang konflik kepentingan untuk kakitangan Kumpulan PNSB mesti dinyatakan dengan mengisi Borang Pernyataan Konflik Kepentingan – Kakitangan seperti di **Lampiran 1**. Borang mesti diserahkan kepada Ketua Bahagian / Jabatan dan / atau lebih tinggi untuk keputusan dan kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif.
- 8.2. Dalam hal Ahli Lembaga Pengarah, konflik tersebut mesti dinyatakan kepada Ahli Lembaga Pengarah lain dan direkodkan oleh Setiausaha Syarikat. Pengisytiharan itu akan dibuat pada waktu dan ketika konflik itu timbul, dan harus dibuat pada kesempatan paling awal, iaitu secepat mungkin setelah Ahli Lembaga Pengarah berkenaan atau kakitangan menyedari konflik tersebut. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk Borang Pernyataan Konflik Kepentingan – Ahli Lembaga Pengarah.

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (200947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>


- 8.3. Salinan Borang yang telah dilengkapkan dan diluluskan hendaklah dihantar ke Jabatan Integriti, Audit dan Governans PNSB oleh Ketua Bahagian / Jabatan yang berkenaan untuk pemantauan.
- 8.4. Selain menyatakan konflik kepentingan, langkah-langkah yang sesuai harus diambil bagi menguruskan konflik dan mengurangkan impak terhadap proses pengambilan keputusan. Sebaik-baiknya, konflik kepentingan harus dielakkan sama sekali. Namun, terdapat situasi di mana mungkin tidak praktikal untuk menghindari konflik kepentingan sepenuhnya, dalam hal ini, tindakan yang tepat harus diambil, bergantung pada sifat dan tahap keseriusan konflik.
- 8.5. Di mana konflik kepentingan tidak mungkin timbul dengan kerap, dan kesan konfliknya minimum, penyertaan orang tersebut dalam proses membuat keputusan harus dibatasi. Sekatan harus merangkumi, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- 8.5.1. Tidak mengambil bahagian dalam penetapan kriteria penting atau berperanan membuat keputusan dalam proses tersebut;
  - 8.5.2. Tidak melibatkan diri dalam perbincangan;
  - 8.5.3. Menghadkan akses kepada maklumat dan dokumen penting; dan
  - 8.5.4. Tiada hak dalam membuat undi keputusan.
- 8.6. Sekiranya konflik kepentingan sedang berlangsung dan boleh membawa implikasi serius, kakitangan yang terbabit haruslah dikeluarkan dari proses tersebut, yang meliputi hal-hal berikut:
- 8.6.1. Menghindari sebarang penglibatan dalam perkara tersebut;
  - 8.6.2. Penyusunan semula tugas dan tanggungjawab yang tidak bertentangan dengan kepentingan Syarikat tetapi tidak kepada kakitangan yang diawasi oleh orang yang mengalami konflik; dan

 <p>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD 199001014678 (205347-X)</p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

8.6.3. Memindahkan orang yang mengalami konflik ke projek lain dan sebagainya.


## 9. PEMANTAUAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 9.1. Jabatan Integriti, Audit & Governans (“JIAG”) bertanggungjawab untuk memantau konflik kepentingan yang melibatkan kakitangan. Setelah menerima salinan Borang Pernyataan Konflik Kepentingan – Kakitangan, JIAG akan mengkaji tindakan yang diambil untuk mengatasi konflik kepentingan tersebut dan memutuskan, berdasarkan kes demi kes apakah tindakan tersebut sesuai dan / atau mencukupi untuk penambahbaikan.
- 9.2. Sekiranya JIAG berpendapat bahawa tindakan yang diambil tidak mencukupi untuk mengurus atau mengatasi konflik kepentingan tersebut, tindakan selanjutnya akan disarankan oleh JIAG.
- 9.3. Sekiranya berlaku perselisihan antara orang yang mengalami konflik kepentingan dengan JIAG, perkara tersebut akan diserahkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk membuat keputusan. JIAG harus memaklumkan sekiranya terdapat keraguan mengenai situasi konflik kepentingan.
- 9.4. Untuk konflik kepentingan yang melibatkan kakitangan, JIAG harus menyimpan salinan rekod semua pernyataan konflik kepentingan serta dokumen lain yang berkaitan seperti dokumentasi yang menggambarkan tindakan untuk mengatasi konflik kepentingan diambil. Untuk konflik kepentingan yang melibatkan Ahli Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat hendaklah menyimpan rekod pernyataan dan sebarang dokumen yang berkaitan.
- 9.5. Proses untuk menyatakan, mengurus dan memantau konflik kepentingan yang melibatkan kakitangan ditunjukkan dalam **Lampiran 3**.

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH:</p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA:</p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

## 10. PELANGGARAN POLISI

- 10.1. Kegagalan untuk mendedahkan, memberikan maklumat yang lengkap dan tepat atau mengurus konflik kepentingan dengan betul adalah pelanggaran polisi dan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil oleh Kumpulan PNSB.


 <b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (206347-V)</small>	<b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b>  <b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b>	<b>DILULUSKAN OLEH:</b>  <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b>
<b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b>		<b>TARIKH MULA:</b>  <b>1 NOVEMBER 2021</b>

**Lampiran 1**



**Borang Pernyataan Konflik Kepentingan – Kakitangan**

	Ref No : <input style="width: 80px;" type="text"/>
Projek/Kontrak : <input style="width: 95%; height: 25px;" type="text"/> Pembekal : <input style="width: 95%; height: 25px;" type="text"/>	
<p>Saya faham bahawa konflik kepentingan ("<i>Conflict of Interest</i>") mungkin timbul di mana kepentingan peribadi saya mempengaruhi, atau mungkin dilihat untuk mempengaruhi, tindakan saya. Selaku kakitangan Permodalan Negeri Selangor Berhad ("PNSB") saya menyatakan bahawa:</p> <p><input type="checkbox"/> Saya memahami kewajipan saya untuk mengisytiharkan sebarang konflik kepentingan kepada PNSB. Saya tidak mempunyai sebarang kesetiaan profesional, peribadi atau keluarga, berat sebelah, kecenderungan, kewajipan atau kesetiaan kepada Syarikat Pembekal terbabit, anak-anak syarikatnya, sekutu atau mana-mana kakitangannya.</p> <p><input type="checkbox"/> Saya tidak mempunyai sebarang kepentingan kewangan dalam Syarikat Pembekal terbabit atau anak-anak Syarikat atau sekutunya.</p> <p><input type="checkbox"/> Sekiranya konflik kepentingan timbul semasa penglibatan saya semasa penilaian, saya akan mengisytiharkannya kepada PNSB dengan segera.</p>	
<p>Dengan ini saya mengisytiharkan bahawa:</p> <p><input type="checkbox"/> Saya tidak mempunyai konflik kepentingan dalam urusan ini</p> <p><input type="checkbox"/> Saya mempunyai konflik kepentingan dalam urusan ini (Sila lengkapkan butiran dibawah)</p>	

	<b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b>	<b>DILULUSKAN OLEH:</b> <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB</b> <b>PADA 18 OKTOBER 2021</b>
	<b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b>	<b>TARIKH MULA:</b> <b>1 NOVEMBER 2021</b>

Kenyataan	Hubungan	Terdapat Konflik Kepentingan	Terangkan sebarang Konflik Kepentingan (Gunakan lembaran berasingan jika perlu)
		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	
		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	

Nama : \_\_\_\_\_  
 Jawatan : \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_

#### KEPUTUSAN KETUA BAHAGIAN / JABATAN

*Keputusan Ketua Bahagian / Jabatan diperlukan dalam semua kes konflik kepentingan. Sekiranya tidak mempunyai konflik kepentingan, maka keputusan Ketua Bahagian / Jabatan tidak perlu.*

Saya telah menyemak pernyataan di atas dan (pilih satu):

- Bersetuju bahawa tidak ada konflik kepentingan.  
 Terdapat konflik kepentingan. Tindakan yang disyorkan diambil untuk mengurangkan konflik yang diisytiharkan adalah seperti berikut:

Nama : \_\_\_\_\_ Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Jawatan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_


#### KELULUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

*(Sekiranya terdapat konflik kepentingan, kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif diperlukan)*

- Diluluskan  
 Tidak Diluluskan

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
 Tarikh : \_\_\_\_\_



 <b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (206347-V)</small>	<b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b>  <b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b>	<b>DILULUSKAN OLEH:</b>  <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b>
<b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b>		<b>TARIKH MULA:</b>  <b>1 NOVEMBER 2021</b>

*Lampiran 2*



**Borang Pernyataan Konflik Kepentingan – Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa**

**BAHAGIAN A - PERNYATAAN**  
**(Untuk dilengkapkan oleh Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa)**

Sekiranya terdapat situasi konflik kepentingan ("*Conflict of Interest*") yang sedia ada / berpotensi ketika membuat keputusan berhubung dengan perkara yang dibincangkan seperti berikut:

**Perkara yang akan dibincangkan oleh Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa**

--

- Tidak mempunyai konflik kepentingan dalam urusan ini  
 Mempunyai konflik kepentingan dalam urusan ini (Sila lengkapkan butiran dibawah)

**Penerangan ringkas mengenai konflik kepentingan dengan perkara di atas (Contohnya memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam Syarikat yang berkaitan dengan perkara di atas)**

--

Nama : \_\_\_\_\_  
Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_


**BAHAGIAN B – PENGESAHAN**  
**Pengakuan Pengisytiharan**

*(Sekiranya terdapat konflik kepentingan dalam membuat keputusan, Bahagian B hendaklah diisi)*


Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa bersetuju bahawa Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Jawatankuasa tersebut:

(Diisi oleh Pengerusi dan diberikan kepada Setiausaha Syarikat untuk rujukan masa depan)

- Boleh terus bercakap dan mengundi mengenai perkara seperti yang diterangkan dalam Bahagian A, dengan syarat bahawa tiada perubahan dalam maklumat yang diisytiharkan di atas.  
 Boleh terus bercakap tetapi tidak sepatutnya mengundi mengenai perkara itu seperti yang diterangkan dalam Bahagian A, dengan syarat tiada perubahan dalam maklumat yang diisytiharkan di atas.












 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205947-X)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p><b>DILULUSKAN OLEH:</b></p> <p><b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p><b>TARIKH MULA:</b></p> <p><b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

<input type="checkbox"/>	Boleh kekal dalam mesyuarat sebagai pemerhati mengenai perkara seperti yang diterangkan dalam Bahagian A, dengan syarat tiada perubahan dalam maklumat yang diisytiharkan di atas.
<input type="checkbox"/>	Perlu menarik diri daripada mesyuarat dan segera kembalikan kepada setiausaha sebarang dokumen mengenai perkara yang dihantar kepada anda lebih awal.
<input type="checkbox"/>	Lain-lain (Sila nyatakan) : _____ _____
Tandatangan : _____	
Tarikh : _____	

 <p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b> <small>199001014678 (205347-V)</small></p>	<p><b>PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD</b></p> <p><b>RUJ.NO : PNSB/POLISI/005</b></p>	<p>DILULUSKAN OLEH: <b>LEMBAGA PENGARAH PNSB PADA 18 OKTOBER 2021</b></p>
<p><b>POLISI KONFLIK KEPENTINGAN</b></p>		<p>TARIKH MULA: <b>1 NOVEMBER 2021</b></p>

**Lampiran 3**

**Carta Aliran Proses Penyataan Konflik Kepentingan - Kakitangan**

PIC	Aktiviti	Dokumen	Catatan
Kakitangan			
Kakitangan			
Kakitangan			Lampiran 1
Ketua Bahagian / Jabatan			
Ketua Bahagian / Jabatan			Lampiran 1
JIAG			
JIAG			
Ketua Bahagian / Jabatan			
Ketua Pegawai Eksekutif			
IAG	